

TIBABAR

Benteng Terakhir

Panglima Mat Salleh

ROZIAH ADAMA



TIBABAR

Benteng Terakhir
Panglima Mat Salleh

ROZIAH ADAMA

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2013

Cetakan Pertama 2013
© Roziah Adama 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Roziah Adama


Tibabar: benteng terakhir Panglima Mat Salleh/Roziah Adama.

ISBN 978-983-46-1178-1

1. Historical fiction, Malay. I. Judul.

899.231

Dicetak oleh
Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
Kompleks Sri Utusan, Lot 6, Jalan P/10
Kawasan Perusahaan Bangi Seksyen 10
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan




Kisah abadi

Perang menuntut keberanian

Cinta menuntut kesefahaman dan kesamaan

Perang dan cinta menuntut pengorbanan

Hakikatnya manusia sentiasa dalam peperangan



Tembakan bertalu-talu dari arah perbukitan Sunsuron menerjah kubu, bedilan meriam rakus menerkam pintu utama. Gegaran demi gegaran bagaikan menggoncang seluruh kubu.

Datu Paduka Mat Salleh memanjat menara di tepi kubu, dari jarak kira-kira 400 ela, asap berkepul-kepul datang dari arah kubu Mat Sator. Kedengaran jeritan yang nyaring diiringi balasan tembakan yang bertalu-talu kemudian senyap. Rasa cemas memagut hatinya.

“Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!” Datu Paduka Mat Salleh melaung dengan kuat dan lantang. Laungan itu disambut oleh Samin, kemudian Pangeran Yassin. Laungan itu bersahut-sahutan di sana sini. Menyemarakkan semangat setiap jiwa yang masih bernafas di dalam kubu itu.

Datu Paduka Mat Salleh dengan gerakan yang pantas menuruni menara.

“Jangan berhenti menyerang. Terus tembak!” arah Datu Paduka Mat Salleh kepada Langkor. Beberapa orang pengikut memberikan perhatian.

“Tapi, Datu Paduka, bekalan peluru kita semakin kurang,” jawab Langkor. Peluh semakin merecik di seluruh wajahnya.

“Kubu Mat Sator terbakar. Sawah *parai* pun dibakar!” jerit Simpur dari menara.

Semua yang ada di bawah tergamam seketika.

“Aku mahu ke sana. Kita mesti bantu mereka.” Samin

dengan berani menawarkan khidmat.

“Jangan. Biar aku yang pergi. Kau diperlukan di sini.” Lading, pahlawan Dusun itu menawarkan diri. Parangnya diangkat tinggi.

“Kalau aku tidak pulang, sampaikan salamku kepada isteriku di Bundu Tuhan,” pintanya kepada Samin, kemudian kepada Datu Paduka Mat Salleh.

Datu Paduka Mat Salleh mengangkat parang sundang di tangan kanannya tanda merestui tindakan Lading. Lading memaut bahu Datu Paduka Mat Salleh dengan erat sebelum segera berlari ke hujung kubu yang menyembunyikan laluan bawah tanah di balik rimbunan lalang dan *poring* (buluh). Tubuhnya yang hanya bercawat itu hilang sekelip mata. Datu Paduka Mat Salleh menggenggam *pemuras* dengan erat. Bekalan peluru *pemuras* itu semakin berkurangan. Begitu juga dengan *terakol* yang tersisip di pinggang. Dia berlari ke arah rumah perlindungan tidak jauh darinya. Pintu itu ditolak.

“Malingkat, jangan benarkan sesiapa pun keluar!” arahnya kepada Dayang Malingkat.

Dayang Malingkat bingkas bangun dan mendepani Datu Paduka Mat Salleh dengan berani. Pandangan Datu Paduka Mat Salleh menjalar kepada Dayang Bandang. Dayang Bandang membalas pandangan dengan senyuman pahit, tubuhnya semakin lesu. Kini dia hanya berserah kepada Allah. Wajah suami tercinta itu dipandang dengan kasih sayang. Kalaulah detik itu detik terakhir baginya, dia merelakan kerana dia yakin perjuangan suaminya demi menegakkan keadilan hak peribumi yang dinodai Inggeris.

Dayang Malingkat segera menutup pintu dan mengangkat palang kayu melintangi pintu dengan tangan tergetar-getar kemudian terus menuju ke ruang *dapulan* (dapur) mengambil tembikar kecil. Dari celah daun nipah yang menjadi dinding, jelas kelihatan percikan api di langit kecil dan besar diiringi

bunyi dentuman yang menggoncang keberaniannya.

“Inak, air...” Dia menghulurkan air di dalam tembikar kecil.

Tangannya sedikit menggeletar. Sudah beberapa hari mereka kehabisan bekalan makanan. Dayang Bandang memandangnya dengan lesu. Wajah anak-anak yang berpelukan direnungi. Wajah mereka tergambar ketakutan, keresahan, kebimbangan dan kengerian yang tidak terungkap dengan kata-kata.

“Tidak payah Malingkat, simpan air itu. Mereka yang berjuang di luar sana lebih memerlukan. Kita di sini masih boleh bertahan.” Suara Dayang Bandang tersekat-sekat.

Tangan Dayang Malingkat ditolak lembut. Tidak tergamak dia menjamah air di dalam tembikar kecil itu mengenangkan perjuangan mulia suaminya dan pengikut-pengikut yang setia. Di luar sana mereka melupakan kehausan dan kelaparan demi mempertahankan kubu daripada serangan askar-askar Sikh yang menjadi orang suruhan Inggeris.

Setitis air yang dihirupnya ibarat ribuan titisan darah yang mengalir di bumi Tambunan. Perjuangan mereka selama ini tidak akan tamat hanya kerana kekontangan air dan ketiadaan makanan. Semua itu tidak akan membunuh semangat mereka yang berkepal dan berbongkol-bongkol seperti batu-batu Gunung Kinabalu.

“Inak, kalau Inak tidak mahu minum bagilah anak-anak itu, Inak. Mereka masih kecil, tidak tahu apa-apa. Kasihan mereka, Inak.” Dayang Malingkat menahan sebak yang memeras hati.

Dayang Bandang yang dipanggil Inak itu memandangnya dengan lesu. Bunyi bedilan semakin bermaharajalela. Tidak mahu berhenti dan tidak mahu senyap untuk memberi laluan kepada ketenangan. Dayang Bandang tidak menjawab kata-kata Dayang Malingkat, pandangan matanya direndahkan. Dayang Malingkat segera faham pandangan itu, lantas meletakkan tembikar kecil itu di atas meja buluh. Dayang Bandang

mendekatkan tubuh kepada anak-anaknya, membisikkan sesuatu. Anak-anak itu mengangguk-angguk, kemudian mengerekot. Sese kali mereka menekup telinga apabila mendengar tembakan meriam diiringi gegaran besar kemudian kecil. Tetapi, sedikit pun tidak ada tangisan yang pecah. Tidak ada air mata yang mengalir. Tidak ada keluhan yang memberat.

Dayang Malingkat menghampiri Deneh yang duduk memeluk lututnya di tepi dinding nipah, wajahnya menampung seribu keresahan. Pandangan matanya tidak bercahaya langsung. Bibirnya merekah kekeringan. Sese kali lututnya dipeluk erat. Dayang Malingkat duduk di sebelah, bahu Deneh dipaut.

Dayang Malingkat mendongakkan kepala memandang ke atas, bumbung rumah beratap nipah itu masih utuh, pandangannya dilemparkan ke *salas hagwa* (serambi luar), ruang itu kosong kerana mereka semua berkumpul di *salas halaum* (serambi dalam) yang berhampiran *dapulan* (dapur).

Dayang Malingkat tidak menyangka, kubu yang dibina oleh Datu Paduka selama dua tahun itu dapat ditembusi oleh askar-askar Inggeris. Kubu itu dikelilingi oleh ratusan *sudas* (buluh runcing) yang berselang-seli dengan batang-batang *poring* (buluh) yang besar dan tinggi, bongkah-bongkah batu besar disusun bertingkat-tingkat dan selebar dua depa tangan lelaki dewasa. Setiap bongkah batu dibina pangkin untuk menembak ke arah musuh. Itu baru pertahanan kubu utama, di depan kubu utama itu dibina kubu-kubu kecil yang diketuai oleh Panglima Langkap, Panglima Kamunta, Panglima Matingal dan Panglima Pangeran Yassin. Setiap kubu kecil itu juga dibina dengan bongkah batu dan berdindingkan kayu balak. Sebelum menggempur kubu utama, askar-askar Inggeris perlu menentang terlebih dahulu kubu-kubu kecil di depan yang kuat. Namun kini, kubu-kubu kecil itu telah musnah dibedil oleh askar-askar Inggeris. Begitu juga kubu

Mat Sator turut musnah.

Pandangannya kemudian beralih kepada Dayang Bandang yang memeluk anak-anaknya. Dayang Bandang tidak mahu tidur di *angkap* (bilik perempuan), dia lebih rela tidur di luar bersama-sama pengikut perempuan di *salas hagwa* (serambi luar).

“Kita mesti tabah, Deneh,” bisik Dayang Malingkat. Pautannya semakin dieratkan.

Deneh merebahkan kepala di lutut. Rasa sebak yang mahu mencengkam ditahan-tahan. Bunyi bedilan meriam seperti meremukkan hatinya.

“Kalau perlu kita juga akan keluar ke sana. Allah akan membantu kita,” pujuk Dayang Malingkat.

“Aku tidak ada kepercayaan.” Deneh, anak gadis berbangsa Murut itu menggenggam tangan Dayang Malingkat.

“Kalau begitu yakinlah pada dirimu sendiri, percayalah kepada perjuangan dirimu dan percayalah kepada perjuangan Datu Paduka.”

“Kita akan mati, Malingkat?”

“Kita semua akan mati. Tetapi, belum tentu di sini.”

Mata Deneh berkaca-kaca, wajahnya dialihkan kepada Dayang Bandang yang mengusap-usap kepala anak lelakinya.

“Aku rindu ibuku,” suara Deneh bergetar.

“Aku juga.” Dayang Malingkat memejamkan mata.

Antara keganasan bunyi bedilan dengan wajah manis ibunya menjelma. Pada saat itu dia hanya mampu memasang rindu yang tidak bersambut. Sejak perjuangan pertama Datu Paduka Mat Salleh di Sugut, ibu dan bapanya telah berikrar menjadi pengikut yang setia. Berikrar memerangi Inggeris yang telah merampas hak dan mencabuli kepercayaan mereka. Namun, takdir telah tertulis, perjuangan menuntut pengorbanan. Bayangan sekujur tubuh bapa dan ibunya yang berlumuran darah di kubu Ranau masih segar tergambar, serta-merta percikan darah bagaikan tersimbah di sana sini di ruang mata.